

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli.
 3. Guru akan menyediakan beberapa kad situasi dan juga benang.
 4. Guru akan membacakan kad situasi.
 5. Setiap kumpulan akan diberi giliran untuk menjawab. Jika kumpulan tersebut gagal memberi jawapan yang tepat, kad situasi akan diberi kepada kumpulan lain untuk menjawab.
 6. Setiap ahli yang dapat menjawab dengan tepat akan diberi benang untuk dililit di tangan.
 7. Kumpulan yang memperolehi benang di lenggan yang banyak akan menjadi pemenang.
 8. Kad situasi seperti di bawah:

Situasi 1:

Seorang murid melihat seorang guru menerima wang daripada peniaga kantin untuk menutup kesalahan menjual makanan basi. Apakah tindakan adil yang boleh dicadangkan?

Situasi 2:

Kamu terdengar berita bahawa hanya murid lelaki disoal dalam kes pergaduhan di sekolah, sedangkan murid perempuan juga terlibat. Apakah tindakan adil yang boleh dicadangkan?

Situasi 3:

Kamu melihat seorang peniaga di pasar malam menjual minyak masak dengan harga yang sangat mahal. Apakah tindakan adil yang boleh dicadangkan?

Situasi 4:

Kamu ternampak sepupu kamu menunggang motosikal ke sekolah walaupun belum cukup umur dan tidak mempunyai lesen. Apakah tindakan adil yang boleh dicadangkan?

9. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.